



PENGURUSAN SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ NEGERI PERAK

RUMUSAN AUDIT

Semua sasaran output tidak tercapai sepenuhnya serta berlaku kelemahan dari aspek pengurusan. Bagaimanapun peratusan pelajar lepasan SPM melanjutkan pelajaran melebihi 90%.



5 SMTDR ditubuhkan daripada 10 daerah

PENCAPAIAN OUTPUT



3 MTS menggunakan kurikulum tahfiz dan arus perdana



PENGURUSAN



Enrolmen pelajar SMTDR hanya seramai
17 – 37 pelajar setahun

31.1%

46 perjawatan guru belum diisi di SMTDR



11.5%

Hanya 17 Guru SMTDR lantikan tetap

31.4%

16 guru tahfiz di SMTDR memenuhi kelayakan

1 bangunan SMTDR

Masih digunakan walaupun tidak selamat untuk diduduki.



Diletakkan di ruang terbuka tanpa sistem perlindungan yang sesuai



6 tong gas untuk pembelajaran



PENCAPAIAN KEBERHASILAN

1

52.2% hingga 85.9%

36 hingga 73 huffaz Al Quran dilahirkan setahun berbanding sasaran

2

**69.6% SMTDR
9.9% MTS**

Huffaz Al-Quran memperoleh keputusan 5A-12A dalam SPM

3

**99.1% SMTDR
92.5% MTS**

Lepasan SPM melanjutkan pelajaran



Pendawaian elektrik tidak selamat penyambungannya

RM447,274

Nilai perolehan peralatan tidak digunakan di dua SMTDR

4 kerja belum siap

Kerja baik pulih dan keselamatan tahfiz di MTS melibatkan bantuan PKN



Penubuhan tabung kebajikan sekolah tanpa kebenaran.

RM56,034

Bantuan modal koperasi tidak dibelanjakan mengikut kelulusan

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK

PENGURUSAN SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ

NEGERI PERAK

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pendidikan Sekolah Menengah Tahfiz (SMT) Negeri Perak bermula secara rasmi pada 23 Mac 2009 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak Bil. 1578. Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) diarahkan untuk menyediakan Kertas Cadangan bagi mewujudkan Maahad Tahfiz di setiap daerah yang akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan negeri.
- Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri Perak telah menubuhkan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Manjung. Seramai 30 pelajar diterima untuk kemasukan pertama. Seterusnya pada tahun 2012, empat lagi SMTDR ditubuhkan iaitu di daerah Kerian, Lenggong, Kuala Kangsar dan Batang Padang. Seramai 30 orang pelajar ditempatkan di setiap sekolah. Seramai 1,344 pelajar telah ditempatkan di semua SMTDR dari tahun 2019 hingga 2021. Selain daripada lima SMTDR, SMT Negeri Perak juga terdiri daripada Maahad Tahfiz yang ditubuhkan oleh pihak swasta. Sehingga tahun 2021, 128 Maahad Tahfiz Swasta (MTS) beroperasi di negeri Perak dan 93 daripadanya telah berdaftar dengan JAIPk mengikut Seksyen 4 Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama Rakyat Islam 1996.
- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pengurusan SMT bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Penilaian dibuat merangkumi dua bidang utama Audit, iaitu prestasi dan pengurusan SMT. Prestasi SMT dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.
- Pencapaian output SMT dinilai berdasarkan bilangan SMTDR ditubuhkan, bilangan pelajar tahfiz mengikuti kurikulum yang diwajibkan dan bilangan MTS berdaftar dengan JAIPk. Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan bilangan penghafaz Al-Quran di SMT, prestasi keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan prestasi pelajar melanjutkan pelajaran. Pengurusan aktiviti pula meliputi enam perkara iaitu pencapaian kewangan; enrolmen pelajar; pengurusan guru; pengurusan bangunan, infrastruktur dan fasiliti

SMT; Tabung Kebajikan Sekolah (TKS); dan bantuan kewangan kepada Persatuan bernombor pendaftaran PPM-031-08-03052019.

- Pengauditan dilaksanakan di JAIPk, UPEN, Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Kewangan Negeri (PKN) Perak, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), 4 buah SMTDR, 12 buah MTS dan Persatuan PPM-031-08-03052019. Pengauditan bermula pada bulan November 2021 hingga Mac 2022.

Mengapa ia penting untuk diaudit

- Pendidikan SMT di negeri Perak diwujudkan untuk memenuhi kehendak masyarakat dan tuntutan agama terutamanya dalam bidang hafazan Al-Quran, mempelbagaikan bidang pengajian di peringkat sekolah menengah di negeri Perak dan melahirkan profesional yang hafaz Al-Quran.
- Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan di SMT Negeri Perak telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi memperkembangkan sistem pendidikan agama Islam dalam bidang hafazan Al-Quran, mempelbagaikan bidang pengajian di peringkat sekolah menengah, dan melahirkan profesional yang hafaz Al-Quran.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada skop pengauditan, dapat dirumuskan pengurusan SMT Negeri Perak adalah kurang cekap dan berkesan. Pencapaian output dari aspek penubuhan SMTDR, pemakaian kurikulum yang diwajibkan dan pendaftaran MTS tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Pencapaian keberhasilan secara keseluruhannya adalah baik kerana peratusan huffaz Al-Quran di SMT Negeri Perak yang memperoleh keputusan 5A hingga 12A dalam SPM serta berjaya melanjutkan pelajaran adalah antara 69.6% hingga 99.1%. Bagaimanapun, sasaran melahirkan 100 huffaz Al-Quran setiap tahun daripada empat SMTDR sedia ada masih tidak dapat dicapai. Selain itu, berlaku kelemahan dalam pengurusan SMT Negeri Perak dari aspek enrolmen pelajar; pengurusan guru; pengurusan bangunan, infrastruktur dan fasiliti SMT; TKS; dan bantuan modal koperasi.
- Pencapaian output SMT negeri Perak tidak dicapai sepenuhnya seperti berikut:

- SMTDR hanya ditubuhkan di lima (50%) daripada 10 daerah di negeri Perak seperti yang diluluskan oleh MMK pada tahun 2009;
- hanya 161 (71.2%) pelajar tingkatan 5 SMTDR telah huffaz Al-Quran mengikut ketetapan hala tuju JAIPk;
- hanya tiga (3.2%) MTS mengguna pakai kurikulum tahfiz dan arus perdana yang ditetapkan oleh Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN); dan
- hanya 93 (72.7%) daripada 128 MTS telah berdaftar dengan JAIPk mengikut ketetapan enakmen.
- Pencapaian keberhasilan SMT Negeri Perak yang tidak dapat dicapai adalah seperti berikut:
 - hanya seramai 36 (52.2%) hingga 73 (85.9%) huffaz Al-Quran daripada keseluruhan pelajar tingkatan 5 berjaya dilahirkan setiap tahun oleh empat SMTDR sedia ada berbanding 100 orang pelajar yang ditetapkan.
- Terdapat kelemahan dalam pengurusan SMT Negeri Perak seperti berikut:
 - semua SMTDR tidak mencapai kapasiti maksimum pelajar tingkatan 1 yang ditetapkan kerana bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, enrolmen pelajar hanya antara 17 hingga 37 orang pelajar sahaja;
 - hanya 17 (11.5%) daripada 148 perjawatan guru merupakan lantikan tetap dan sebanyak 46 (31.1%) perjawatan guru belum diisi;
 - hanya 16 (31.4%) orang guru yang mengajar kurikulum tahfiz memenuhi kriteria kelayakan Kuliah Qiraat dan universiti yang ditetapkan;
 - bangunan SMTDR Kerian masih digunakan walaupun JKR telah mengesahkan ia sudah selamat untuk diduduki;
 - tong gas yang digunakan untuk sesi pembelajaran di makmal SMTDR Manjung diletakkan di ruang surau terbuka tanpa sistem perlindungan yang sesuai;
 - pendawaian elektrik di bangunan asrama SMTDR Manjung tiada kelulusan Suruhanjaya Tenaga dan tidak selamat penyambungannya;

- peralatan bernilai RM447,274 (24.8%) daripada bayaran RM1.80 juta tidak digunakan di SMTDR Lenggong dan Batang Padang;
 - empat kerja baik pulih dan keselamatan tahfiz di MTS melibatkan bantuan Pejabat Kewangan Negeri Perak masih belum siap sepenuhnya;
 - penubuhan TKS tanpa kebenaran; dan
 - bayaran bagi bantuan modal Koperasi 202258501737 dibuat sebelum koperasi ditubuhkan. Sejumlah RM56,034 daripada RM100,000 bantuan modal koperasi dibelanjakan untuk tujuan selain daripada yang ditetapkan.
- Apa yang disyorkan Audit?**
- Bagi memastikan objektif penubuhan SMT negeri Perak tercapai dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara mengesyorkan tindakan seperti berikut:
 - UPEN hendaklah memastikan pembinaan SMTDR Tambun dan Sungai Manik dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan supaya enrolmen pelajar SMT dapat dipertingkatkan;
 - JAIPk hendaklah memastikan pelaksanaan ujian hafazan semasa pemilihan kemasukan pelajar mengikut standard yang ditetapkan. Selain itu, perjawatan guru lantikan tetap di SMTDR perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengajaran untuk melahirkan huffaz Al-Quran;
 - JAIPk perlu menetapkan terma dan syarat berkaitan hubungan kerjasama dengan Persatuan PPM-031-08-03052019 dalam memastikan semua MTS dijaga kebijakannya. Dengan itu hasrat Kerajaan Negeri Perak yang menetapkan 100 peratus MTS bergabung di bawah Persatuan tersebut dan berdaftar di bawah JAIPk dapat dilaksanakan; dan
 - pemantauan terhadap projek pembangunan infrastruktur dan keselamatan SMT yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak perlu dipertingkatkan. Perkara ini penting bagi memastikan pelaksanaan pembangunan mematuhi peraturan yang ditetapkan serta dapat mencapai objektif yang disasarkan.

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK

1. PENGURUSAN SEKOLAH MENENGAH TAHFIZ NEGERI PERAK

FAKTA UTAMA

Objektif Penubuhan Sekolah Menengah Tahfiz Negeri Perak	Memperkembangkan sistem Pendidikan Agama Islam di negeri Perak supaya dapat memenuhi kehendak masyarakat dan tuntutan agama terutamanya dalam bidang hafazan Al-Quran, mempelbagaikan bidang pengajian di peringkat sekolah menengah di negeri Perak dan melahirkan profesional yang hafaz Al-Quran.		
Jabatan Bertanggungjawab	Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk)		
132 Sekolah Menengah Tahfiz Negeri Perak Sehingga Tahun 2021	4 Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Kurikulum Tahfiz dan Arus Perdana	128 Sekolah Menengah Tahfiz Swasta (MTS) 93 Berdaftar dengan JAIPk	
SMTDR Diisi Tahun 2019 – 2021	1,344 pelajar 102 guru		
Peruntukan Mengurus <ul style="list-style-type: none">• Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Pembelian dan Kenaan Bayaran Tetap• Bantuan Perkapita SMTDR & MTS (RM100 setiap pelajar)	Peruntukan Diluluskan Tahun 2019 - 2021 RM34.58 juta	Perbelanjaan Tahun 2019 - 2021 RM26.33 juta	
Peruntukan Pembangunan <ul style="list-style-type: none">• Pembangunan bagi Pembinaan Empat SMTDR	RM24 juta	RM21.82 juta	
Peruntukan One Off <ul style="list-style-type: none">• Pembinaan Infrastruktur dan Keselamatan MTS	RM11.92 juta	RM9.69 juta	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pendidikan Sekolah Menengah Tahfiz (SMT) Negeri Perak bermula secara rasmi pada 23 Mac 2009 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak Bil. 1578. Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) diarahkan untuk menyediakan Kertas Cadangan bagi mewujudkan Maahad Tahfiz di setiap daerah yang akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan negeri. Seterusnya dalam tahun yang sama kelas Tahfiz Sains diwujudkan di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) sebagai program perintis untuk mewujudkan Maahad Tahfiz Negeri Perak.

1.2. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri Perak telah menubuhkan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Daerah Manjung. Seramai 30 pelajar diterima untuk

kemasukan pertama. Seterusnya pada tahun 2012, empat lagi SMTDR ditubuhkan iaitu di daerah Kerian, Lenggong, Kuala Kangsar dan Batang Padang. Seramai 30 orang pelajar boleh ditempatkan di setiap sekolah. Kesemua lima SMTDR ini beroperasi tanpa bangunan tetap dan menumpang di premis sementara. Bagi SMTDR Kuala Kangsar, sekolah itu digabungkan dengan SMTDR Lenggong selepas bangunan di Lenggong siap pada tahun 2021. Seramai 1,344 pelajar telah ditempatkan di semua SMTDR bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

1.3. Selain daripada lima SMTDR, SMT Negeri Perak juga terdiri daripada Maahad Tahfiz yang ditubuhkan oleh pihak swasta. Sehingga tahun 2021, sebanyak 128 Maahad Tahfiz Swasta (MTS) beroperasi di negeri Perak dan 93 daripadanya telah berdaftar dengan JAIPk mengikut Seksyen 4 Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama Rakyat Islam 1996.

1.4. JAIPk menerusi Bahagian Pendidikan Islam berperanan sebagai pelaksana dasar pembangunan Pendidikan Islam termasuk pendidikan tahfiz Al-Quran. Selain itu, JAIPk bertindak sebagai Pendaftar bagi mengawal selia dan menguatkuasakan Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1996 Negeri Perak.

1.5. Pengoperasian SMTDR adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550); Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Islam 1996; Kaedah-Kaedah Kawalan Sekolah-sekolah Agama Islam 1997; Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004; dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pentadbiran Sekolah-Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Perak 2013.

1.6. Pada 3 Mei 2019, Persatuan PPM-031-08-03052019 telah ditubuhkan sebagai sebuah badan bukan kerajaan untuk membantu MTS yang wujud di negeri Perak daripada segenap aspek. Persatuan tersebut turut diberi kepercayaan oleh Kerajaan negeri untuk memantau MTS.

1.7. JAIPk bagi tahun 2019 hingga 2021 telah menerima peruntukan mengurus SMTDR dan bantuan perkapita pelajar berjumlah RM34.22 juta. Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN) pula menerima peruntukan pembangunan bagi SMTDR dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Pembangunan Perak (RPP) berjumlah RM24 juta. Kerajaan Negeri Perak juga meluluskan perbelanjaan *one off* MTS berjumlah RM11.92 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan SMT Negeri Perak telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi memperkembangkan sistem pendidikan agama Islam dalam bidang hafazan Al-Quran, mempelbagaikan bidang pengajian di peringkat sekolah menengah dan melahirkan profesional yang huffaz Al-Quran.

3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua bidang utama iaitu prestasi dan pengurusan SMT Negeri Perak bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Prestasi SMT Negeri Perak dinilai berdasarkan pencapaian output dan keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan bilangan SMTDR ditubuhkan, bilangan pelajar tahniz mengikuti kurikulum yang diwajibkan dan MTS berdaftar dengan JAIPk. Pencapaian keberhasilan dinilai berdasarkan bilangan penghafaz Al-Quran di SMT, prestasi keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan prestasi pelajar melanjutkan pelajaran. Penilaian terhadap keputusan SPM dan melanjutkan pelajaran adalah bagi tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2018 hingga 2020. Pengurusan aktiviti pula meliputi enam perkara iaitu pencapaian kewangan; enrolmen pelajar; pengurusan guru; pengurusan bangunan, infrastruktur dan fasiliti SMT; Tabung Kebajikan Sekolah (TKS); dan bantuan kewangan kepada Persatuan PPM-031-08-03052019.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan SMT Negeri Perak. Pemeriksaan fizikal telah dijalankan pada bulan November 2021 hingga Mac 2022 di JAIPk, UPEN, Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Kewangan Negeri (PKN) Perak, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk), 4 SMTDR, 12 MTS dan Persatuan PPM-031-08-03052019. Selain itu, sesi temu bual telah dijalankan dengan pegawai/guru dan pihak lain yang terlibat.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan November 2021 hingga Mac 2022 dan Mesyuarat Penutup diadakan pada 3 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

5.1.1. Pencapaian Output

5.1.1.1. Bilangan SMTDR Ditubuhkan

- a. MMK Negeri Perak telah meluluskan penubuhan dan pembinaan SMTDR melalui Kertas Bil. 925/22/07/2009 yang antara lain menetapkan penubuhan SMTDR di setiap daerah dalam negeri Perak. Selaras dengan itu, JAIPk juga melalui Pelan Strategik 2011-2016 telah menetapkan penubuhan enam SMTDR menjelang tahun 2016. Selanjutnya, MMK melalui Kertas Bil. 1952 bertarikh 10 Oktober 2018 memutuskan pembinaan dua SMTDR baharu iaitu di daerah Kinta dan Hilir Perak.
- b. Semakan Audit mendapati pelaksanaan keputusan MMK dan Pelan Strategik JAIPk dalam aspek pembinaan SMTDR adalah seperti berikut:
 - i. **SMTDR telah ditubuhkan di lima (50%) daripada 10 daerah di negeri Perak dari tahun 2010 hingga 2012 iaitu di Manjung, Kerian, Lenggong, Kuala Kangsar dan Batang Padang.** Perbandingan penubuhan SMTDR dengan Pelan Strategik JAIPk pula menunjukkan pencapaian ialah lima (83.3%) berbanding enam SMTDR yang ditetapkan. Lima SMTDR tersebut memulakan operasi tanpa bangunan tetap dan menumpang di premis sementara sebelum berpindah ke bangunan baharu selepas pembinaannya disiapkan.
 - ii. Pihak Audit mendapati JAIPk, UPEN dan JKR telah siap membina empat bangunan tetap SMTDR dari tahun 2015 hingga 2020. Bangunan yang dibina berupaya menempatkan seramai 150 dan 300 orang pelajar. Bangunan SMTDR Kuala Kangsar tidak dibina kerana operasinya telah digabungkan dengan SMTDR Lenggong.
 - iii. Status pembinaan dua SMTDR baharu seperti ketetapan MMK Bil. 1952 di daerah Kinta dan Hilir Perak setakat tahun 2021 pula adalah seperti berikut:
 - Bangunan tetap SMTDR Tambun di daerah Kinta masih dalam pembinaan;
 - SMTDR Sungai Manik di daerah Hilir Perak masih belum dibina.

iv. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENUBUHAN SMTDR

BIL.	SMTDR	TAHUN PENUBUHAN	PREMIS SEMENTARA	TAHUN SIAP BANGUNAN TETAP
1.	Daerah Manjung	2010	Madrasah Tarbiatul Islam Annur, Pulau Pangkor	2015
2.	Daerah Kerian	2012	Sekolah Rendah Agama Rakyat Nurul Islamiyah	2019
3.	Daerah Lenggong	2012	Sekolah Rendah Agama Rakyat As-Asyakirin, Kg. Lenggong	2020
4.	Daerah Kuala Kangsar*	2012	Madrasah Attaawuniah Felda Lasah	TB
5.	Daerah Batang Padang	2012	JKR 201, Bukit Rumah Rehat Tapah	2020
6.	Daerah Kinta	Belum ditubuhkan	TB	TB (Dalam Pembinaan)
7.	Daerah Hilir Perak	Belum ditubuhkan	TB	TB (Belum Bina)

Sumber: JAIPk

Nota: (TB) - Tidak Berkaitan

(*) - Bangunan Tetap Tidak Dibina dan Digabungkan Dengan SMTDR Lenggong

Maklum Balas JAIPk dan UPEN yang Diterima pada 19 dan 20 Mei 2022

JAIPk dikehendaki untuk mengenal pasti tapak pembinaan SMTDR, namun perancangan penubuhan SMTDR adalah bergantung kepada keputusan MMK dan koordinasi UPEN dari semasa ke semasa.

Berdasarkan perancangan awal, UPEN memaklumkan projek SMTDR Tambun, daerah Kinta dicadangkan untuk dilaksanakan serentak dengan SMTDR Sungai Manik, daerah Hilir Perak. Pada masa ini pembangunan di SMTDR Tambun berjalan mengikut jadual dan dijangka siap pada tahun 2023. Bagaimanapun, pembangunan SMTDR Sungai Manik pula dijangkakan mengalami kelewatan kerana keperluan melaksanakan rawatan tanah dan penambahbaikan sistem saliran serta longkang yang melibatkan pertambahan kos berjumlah RM13 juta. UPEN akan mengadakan perbincangan bersama jabatan dan agensi terlibat bagi memuktamadkan skop projek pada 6 Jun 2022.

Pendapat Audit	Kelewatan pembinaan SMTDR Tambun (Kinta) dan SMTDR Sungai Manik (Hilir Perak) menghadkan peluang pelajar ke SMT. Namun begitu, kewujudan MTS berdaftar boleh menampung peluang pelajar tersebut.
-----------------------	---

5.1.1.2. Bilangan Pelajar Tahfiz Mengikuti Kurikulum yang Diwajibkan

- a. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menggariskan lima teras utama yang menjadi fokus bagi memperkasa pendidikan tahfiz di Malaysia. Salah satu teras tersebut adalah mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana melalui empat strategi seperti berikut:
 - i. mewujudkan kurikulum tahfiz di peringkat menengah serta model tahfiz kemahiran;
 - ii. institut tahfiz persendirian menggunakan pakai kurikulum arus perdana;
 - iii. penawaran yang sistematik oleh institut pendidikan bagi murid tahfiz menduduki peperiksaan; dan
 - iv. penawaran kursus-kursus kemahiran kepada murid tahfiz.
- b. Perenggan 3 Kertas Hala Tuju SMTDR JAIPk bertarikh 10 Januari 2012 menetapkan dua kurikulum yang wajib diikuti oleh setiap pelajar. Kurikulum yang ditawarkan di SMTDR ialah:
 - i. Kurikulum Tahfiz Al-Quran - pelajar diwajibkan menghafal keseluruhan 30 juzuk Al-Quran;
 - ii. Kurikulum Arus Perdana Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) – menduduki peperiksaan awam dan mengikuti semua kurikulum dan kokurikulum KPM.
- c. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri Perak telah mematuhi DPTN yang ditetapkan di mana kesemua pelajar tahfiz tingkatan 5 di empat SMTDR bagi tahun 2019 hingga 2021 iaitu 226 (100%) orang telah menduduki SPM. Namun begitu, **hanya seramai 161 (71.2%) pelajar tingkatan 5 SMTDR telah huffaz Al-Quran mengikut ketetapan hala tuju JAIPk**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PENCAPAIAN HUFFAZ AL-QURAN
BAGI PELAJAR MENDUDUKI SPM BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

SMTDR	BIL. PELAJAR								
	2019			2020			2021		
	TING. 5 (a)	HUFFAZ AL- QURAN (b)	MENDUDUKI SPM (c)	TING. 5 (d)	HUFFAZ AL- QURAN (e)	MENDUDUKI SPM (f)	TING. 5 (g)	HUFFAZ AL- QURAN (h)	MENDUDUKI SPM (i)
Manjung	18	16	18	22	9	22	20	20	20
Batang Padang	17	14	17	14	13	14	14	14	14
Kerian	28	20	28	21	12	21	25	24	25
Lenggong	9	2	9	12	2	12	26	15	26
JUMLAH	72	52	72	69	36	69	85	73	85
JUMLAH TINGKATAN 5 [(j)=(a)+(d)+(g)]							226		
JUMLAH HUFFAZ AL-QURAN [(k)= (b)+(e)+(h)]							161		
PERATUS PELAJAR HUFFAZ AL-QURAN BERBANDING TINGKATAN 5 (%)							71.2		
JUMLAH MENDUDUKI SPM (c)+(f)+(i)							226		
PERATUS PELAJAR MENDUDUKI SPM BERBANDING TINGKATAN 5 (%)							100		

Sumber: Data Pelajar SMTDR

- d. Pihak Audit dimaklumkan, pelaksanaan ujian hafazan pelajar sebelum tahun 2021 tidak seragam walaupun kaedah ujian telah ditetapkan. Perkara ini menyebabkan kualiti pelajar yang diterima masuk ke SMTDR tidak konsisten. Seterusnya, semasa peringkat awal operasi SMTDR pada tahun 2012, guru mengajar tahliz tidak mempunyai kelayakan tahliz kerana kekurangan calon berkelayakan. Kedua-dua faktor ini sedikit sebanyak mempengaruhi prestasi pelajar tingkatan 5 di mana hanya 71.2% yang telah berjaya huffaz Al-Quran.
- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2021, 93 MTS Negeri Perak berdaftar dengan JAIPk. Daripada jumlah tersebut, **hanya tiga (3.2%) MTS menggunakan pakai kurikulum tahliz dan arus perdana yang ditetapkan oleh DPTN**. Pihak Audit mendapati JAIPk masih belum dapat mengawal selia kurikulum pendidikan tahliz MTS di mana hanya bertumpu kepada SMTDR sahaja. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
MTS MENGGUNAKAN KURIKULUM TAHFIZ DAN ARUS PERDANA

BIL.	NO. KOD PENDAFTARAN MTS	TAHUN PENUBUHAN	LOKASI
1.	AXM2006	1997	Kg. Tualang Sekah, Malim Nawar
2.	AXM2004	2011	Lot 17936 Kg. Kem Balak 2 , Ulu Kuang
3.	AXM5003	2012	Parit 5/7R, Kampung Pengkalan Ara, Chenderong Balai

Sumber: JAIPk

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

Pada peringkat awal pemilihan pelajar, calon tidak diberi pilihan sama ada memilih SMAN yang tidak melaksanakan pengajian tahliz sepenuh masa atau SMTDR yang melaksanakan tahliz sepenuhnya. Berdasarkan ranking markah ujian akademik dan hafazan, calon-calon diagihkan ke setiap sekolah secara sekata.

Pendapat Audit | **Pemilihan kemasukan pelajar tahliz yang berkualiti dan guru yang berkelayakan adalah penting bagi merealisasikan hasrat melahirkan pelajar huffaz Al-Quran di SMTDR.**

5.1.1.3. MTS Berdaftar Dengan JAIPk

- a. Seksyen 4(1) Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1996 menetapkan JAIPk bertanggungjawab ke atas pendaftaran, pengawalan dan penyeliaan sekolah-sekolah. Seksyen 5(1) pula menetapkan tiada seorang pun boleh menubuhkan sekolah melainkan telah mendapat kelulusan bagi pendaftaran sekolah tersebut. Seterusnya, Seksyen 7 memperuntukkan syarat yang perlu dipertimbangkan sebelum kelulusan permohonan pendaftaran sekolah dibuat. Antara syarat tersebut ialah kesesuaian sekolah atau bangunan atas alasan-alasan kesihatan dan keselamatan, sumber kewangan untuk menyelenggarakan sekolah dan perkara lain yang perlu dipertimbangkan.
- b. Berdasarkan Teks Ucapan Belanjawan 2021 Negeri Perak Darul Ridzuan, Kerajaan antara lain menetapkan kesemua (100%) sekolah tahliz yang bergabung di bawah Persatuan PPM-031-08-03052019 didaftarkan di bawah JAIPk menjelang tahun 2022.
- c. Semakan Audit terhadap Laporan Permohonan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah JAIPk setakat 31 Disember 2021 mendapati bilangan MTS yang ditubuhkan telah meningkat kepada 128 MTS berbanding 110 pada tahun 2019 dan 120 pada tahun 2020. **Bagaimanapun setakat 31 Disember 2021, hanya 93 (72.7%) daripada 128 MTS telah berdaftar mengikut ketetapan enakmen.** Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 4.**

JADUAL 4
STATUS PENDAFTARAN MTS DENGAN JAIPk

TAHUN	BILANGAN DITUBUHKAN (a)	BILANGAN BERDAFTAR DENGAN JAIPk (dibawa ke hadapan) (b)	BILANGAN BARU DIDAFTARKAN MENGIKUT TAHUN (c)	BILANGAN KESELURUHAN BERDAFTAR (d)=(b)+(c)	PERATUS BILANGAN KESELURUHAN BERDAFTAR (%)	BILANGAN KESELURUHAN BELUM BERDAFTAR (e)=(a)-(d)
2019	110	74	6	80	72.7	30
2020	120	80	4	84	70	36
2021	128	84	9	93	72.7	35

Sumber: Laporan Pendaftaran MTS Sehingga 31 Disember 2021

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

Kelulusan pendaftaran MTS bergantung kepada pematuhan terhadap syarat yang ditetapkan oleh agensi kerajaan yang berkaitan. Antaranya adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan keselamatan premis dan operasi MTS. Selain itu, pendaftaran MTS perlu menepati kehendak enakmen antaranya bilangan murid, Jawatankuasa Jemaah Pengurusan dan kesesuaian lokasi.

Pendapat | JAIPk telah berjaya meningkatkan pendaftaran MTS bagi Audit | tempoh tahun 2019 hingga 2021, namun masih berbaki 35 MTS yang belum didaftarkan setakat tahun 2021.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

5.1.2.1. Bilangan Penghafaz Al-Quran di SMT Negeri Perak

- a. Garis Panduan Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) oleh KPM menetapkan pelajar perlu menamatkan hafazan 30 juzuk Al-Quran dalam tempoh 5 tahun pengajian di peringkat sekolah menengah sebelum diiktiraf sebagai penghafaz Al-Quran.
- b. Pelan Strategik JAIPk 2017 hingga 2021 telah menyasarkan untuk memperkasa agenda dakwah Islam secara syumul ke arah pembentukan khaira ummah berpaksikan Al-Quran dan As-Sunnah. Bagi tujuan tersebut, sasaran seramai 100 pelajar SMTDR huffaz Al-Quran setiap tahun telah ditetapkan.

- c. Semakan Audit terhadap sijil hafal khatam Al-Quran bagi empat¹ SMTDR bagi tahun 2019 hingga 2021 mendapati sasaran pencapaian 100 pelajar setahun yang berjaya huffaz Al-Quran masih belum tercapai. Hanya seramai 36 (52.2%) hingga 73 (85.9%) huffaz Al-Quran daripada keseluruhan pelajar tingkatan 5 berjaya dilahirkan setiap tahun berbanding 100 pelajar yang ditetapkan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENCAPAIAN HUFFAZ AL-QURAN
BAGI PELAJAR TINGKATAN 5 BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	PERKARA	BILANGAN PELAJAR						PERATUS PENCAPAIAN PELAJAR KHATAM AL-QURAN BERBANDING TINGKATAN 5 (%)
		SMTDR				JUMLAH KESELURUHAN		
		MANJUNG	BATANG PADANG	KERIAN	LENGGONG	TINGKATAN 5 (a)	KHATAM AL-QURAN (b)	
2019	Tingkatan 5	18	17	28	9	72	52	72.2
	Khatam Al-Quran	16	14	20	2			
2020	Tingkatan 5	22	14	21	12	69	36	52.2
	Khatam Al-Quran	9	13	12	2			
2021	Tingkatan 5	20	14	25	26	85	73	85.9
	Khatam Al-Quran	20	14	24	15			
JUMLAH						226	161	71.2

Sumber: Data Pelajar SMTDR

- d. Pihak Audit mendapati antara sebab pelajar huffaz Al-Quran tidak mencapai 100 orang setahun seperti ditetapkan kerana enrolmen pelajar ke tingkatan satu kurang daripada 100 orang setahun. Dua SMTDR yang dirancang penubuhannya juga belum dapat beroperasi iaitu SMTDR Tambun (Kinta) dan SMTDR Sungai Manik (Hilir Perak). Selain itu, semasa peringkat awal pemilihan pelajar, iaitu sebelum tahun 2020, calon tidak diberi pilihan untuk memilih SMAN atau SMTDR kerana ketetapan sekolah ditentukan oleh JAIPk. Dalam hal ini, calon yang lebih berminat belajar di SMAN akan menolak tawaran sekiranya mereka ditawarkan tempat di SMTDR.
- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun 65 pelajar SMTDR tidak Huffaz Al-Quran, namun pelajar tersebut telah menghafal antara enam hingga 29 juzuk Al-Quran. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 6**.

¹ SMTDR Kuala Kangsar telah digabungkan dengan SMTDR Lenggong menjadikan hanya empat SMTDR yang beroperasi setakat tahun 2021.

JADUAL 6
BILANGAN JUZUK AL-QURAN YANG DIHAFAL
OLEH PELAJAR SMTDR YANG TIDAK HUFFAZ AL-QURAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

SMTDR	BILANGAN PELAJAR TAHUN 2019 - 2021			
	TING. 5 (a)	HUFFAZ AL-QURAN (b)	TIDAK HUFFAZ AL-QURAN (c)	BILANGAN JUZUK AL-QURAN DIHAFAL OLEH PELAJAR TIDAK HUFFAZ
Manjung	60	45	15	11-29
Batang Padang	45	41	4	19-29
Kerian	74	56	18	6-29
Lenggong	47	19	28	13-29
JUMLAH	226	161	65	

Sumber: Data Pelajar SMTDR

- f. Semakan Audit mendapati sasaran 100 orang pelajar yang huffaz Al-Quran setahun tidak dapat dipenuhi oleh empat SMTDR sedia ada. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati bilangan huffaz Al-Quran melebihi 100 pelajar setiap tahun sekiranya pencapaian MTS turut diambil kira. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, **keseluruhan MTS di negeri Perak telah melahirkan antara 294 hingga 380 huffaz Al-Quran setahun.** Bagaimanapun, JAIPk tidak mengambil kira bilangan tersebut sebagai sebahagian daripada pencapaian sasaran yang ditetapkan walaupun JAIPk menyalurkan bantuan perkapita kepada MTS setiap tahun. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7.**

JADUAL 7
PENCAPAIAN KESELURUHAN HUFFAZ AL-QURAN
SMTDR DAN MTS BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	BILANGAN PELAJAR HUFFAZ AL-QURAN				
	SMTDR (a)	MTS MENGIKUT KURIKULUM ARUS PERDANA (b)	LAIN- LAIN MTS (c)	JUMLAH KESELURUHAN HUFFAZ AL-QURAN MTS (d)=(b)+(c)	JUMLAH KESELURUHAN HUFFAZ AL-QURAN (e)=(a)+(d)
2019	52	41	339	380	432
2020	36	20	274	294	330
2021	73	16	288	304	377
JUMLAH	161	77	901	978	1,139

Sumber: Laporan Hafazan SMTDR dan MTS

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

Mulai tahun 2022, sasaran untuk keseluruhan penghafaz Al-Quran bagi negeri Perak adalah seramai 300 orang merangkumi SMTDR dan MTS.

Pendapat Audit | Sekiranya JAIPk mengambil kira bilangan huffaz Al-Quran daripada MTS, sasaran 100 orang huffaz setahun dapat dicapai. JAIPk juga dapat menaikkan imej Kerajaan Negeri Perak yang dapat melahirkan 330 hingga 432 huffaz Al-Quran setahun.

5.1.2.2. Prestasi Keputusan SPM

- Garis panduan Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) oleh KPM menggabungkan dua komponen mata pelajaran Al-Quran dengan sebahagian mata pelajaran sedia ada dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).
- Semakan Audit mendapati seramai 217 orang pelajar SMTDR telah menduduki peperiksaan SPM bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. **Analisis Audit mendapati seramai 138 (63.6%) bilangan pelajar memperoleh keputusan 5A hingga 12A iaitu merupakan peratusan yang tertinggi dalam tempoh tersebut.** Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PRESTASI KEPUTUSAN
PEPERIKSAAN SPM SMTDR BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

SMTDR	BILANGAN PELAJAR											
	2018				2019				2020			
	0A (a)	1A- 4A (b)	5A- 8A (c)	9A- 12A (d)	0A (e)	1A- 4A (f)	5A-8A (g)	9A- 12A (h)	0A (i)	1A- 4A (j)	5A- 8A (k)	9A- 12A (l)
Manjung	2	12	11	4	1	9	7	1	0	4	17	1
Batang Padang	1	7	7	0	0	4	7	6	0	1	11	2
Kerian	0	6	14	0	0	10	16	2	0	9	8	4
Lenggong	0	4	6	2	0	4	5	0	0	5	7	0
JUMLAH	3	29	38	6	1	27	35	9	0	19	43	7
JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR				217								
0A (a)+(e)+(i)				4 (1.8%)								
1A-4A (b)+(f)+(j)				75 (34.6%)								
5A-8A (c)+(g)+(k)				116 (53.5%)								
9A-12A (d)+(h)+(l)				22 (10.1%)								

Sumber: Laporan Keputusan SPM SMTDR

- Analisis Audit seterusnya dibuat terhadap prestasi keputusan peperiksaan SPM huffaz Al-Quran SMTDR bagi tahun 2018 hingga 2020. Pihak Audit mendapati **seramai 94 (69.6%) daripada 135 orang huffaz Al-Quran yang menduduki peperiksaan SPM, memperoleh 5A hingga 12A**

dalam tempoh tersebut. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PRESTASI KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM BAGI
HUFFAZ AL-QURAN SMTDR BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

SMTDR	HUFFAZ AL-QURAN	BILANGAN PELAJAR											
		2018				2019				2020			
		0A (a)	1A- 4A (b)	5A- 8A (c)	9A- 12A (d)	0A (e)	1A- 4A (f)	5A- 8A (g)	9A- 12A (h)	0A (i)	1A- 4A (j)	5A- 8A (k)	9A- 12A (l)
Manjung	46	1	7	10	4	1	6	7	1	0	1	7	1
Batang Padang	35	0	5	4	0	0	1	6	6	0	1	10	2
Kerian	49	0	6	12	0	0	7	11	2	0	4	4	3
Lenggong	5	0	0	0	1	0	1	1	0	0	0	2	0
JUMLAH	135	1	18	26	5	1	15	25	9	0	6	23	6
JUMLAH KESELURUHAN HUFFAZ AL-QURAN								135					
0A (a)+(e)+(i)								2 (1.5%)					
1A-4A (b)+(f)+(j)								39 (28.9%)					
5A-8A (c)+(g)+(k)								74(54.8%)					
9A-12A (d)+(h)+(l)								20 (14.8%)					

Sumber: Laporan Keputusan SPM Huffaz Al-Quran SMTDR

- d. Semakan Audit seterusnya mendapati seramai 303 orang pelajar MTS mengikuti kurikulum arus perdana telah menduduki peperiksaan SPM bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020. **Analisis Audit mendapati seramai 30 (9.9%) bilangan pelajar memperoleh keputusan 5A hingga 12A.** Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PRESTASI KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SPM MTS
MENGIKUTI KURIKULUM ARUS PERDANA BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

NO. KOD PENDAFTARAN MTS	BILANGAN PELAJAR											
	2018				2019				2020			
	0A (a)	1A- 4A (b)	5A- 8A (c)	9A- 12A (d)	0A (e)	1A- 4A (f)	5A- 8A (g)	9A- 12A (h)	0A (i)	1A- 4A (j)	5A- 8A (k)	9A- 12A (l)
AXM2006	36	5	0	0	69	14	2	0	38	18	1	0
AXM2004	0	11	6	0	5	9	6	0	5	5	4	0
AXM5003	5	19	3	1	9	11	6	1	7	7	0	0
JUMLAH	41	35	9	1	83	34	14	1	50	30	5	0
JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR								303				
0A (a)+(e)+(i)								174 (57.4%)				
1A-4A (b)+(f)+(j)								99 (32.7%)				
5A-8A (c)+(g)+(k)								28 (9.2%)				
9A-12A (d)+(h)+(l)								2 (0.7%)				

Sumber: Analisis Keputusan SPM MTS

5.1.2.3. Prestasi Pelajar Melanjutkan Pelajaran

- a. JAIPk melalui Kertas Kerja Hala Tuju SMTDR menyatakan pelajar yang menamatkan pengajian di SMT Negeri Perak berpeluang menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam dan luar negara. Institusi pengajian tinggi awam dan swasta tersebut adalah matrikulasi asasi sains, universiti tempatan, universiti timur tengah dan universiti tersohor dunia yang diiktiraf kerajaan.
- b. JAIPk tidak menetapkan sasaran pencapaian pelajar menyambung pelajaran selepas tamat belajar di SMTDR. Analisis Audit mendapati seramai 215 (99.1%) daripada 217 pelajar yang menduduki SPM bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 dapat melanjutkan pelajaran. Antaranya ke peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), diploma dan ijazah. Hanya seramai dua (0.9%) pelajar tidak melanjutkan pelajaran.
- c. Analisis lanjut mendapati daripada jumlah tersebut, **seramai 5 (2.3%) pelajar telah berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti timur tengah atau luar negara. Baki 210 (97.7%) pelajar pula melanjutkan pelajaran ke peringkat STPM/STAM, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)**. Maklumat pelajar SPM bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020 yang melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PELAJAR SMTDR LEPASAN SPM BAGI TEMPOH
TAHUN 2018 HINGGA 2020 YANG MELANJUTKAN PELAJARAN

TAHUN	BIL. PELAJAR SMTDR LEPASAN SPM (a)	STPM/ STAM (b)	IPTA (c)	IPTS (d)	UNIVERSITI TIMUR TENGAH ATAU LUAR NEGARA (e)	BEKERJA/ TIDAK MENYAMBUNG PENGAJIAN (f)	JUMLAH PELAJAR MELANJUTKAN PELAJARAN	
							Bil. Pelajar (g)=(b)+(c)+(d)+(e)	PERATUS (%) (h)=(g)/(a)
2018	76	1	64	7	3	1	75	98.7
2019	72	13	53	5	1	0	72	100
2020	69	17	44	6	1	1	68	98.5
JUMLAH	217	31	161	18	5	2	215	99.1

Sumber: Analisis Prestasi Pelajar SMTDR

- d. Semakan Audit di dua MTS yang mengikuti kurikulum arus perdana yang sama dengan SMTDR mendapati 120 orang pelajar menduduki peperiksaan SPM bagi tahun 2018 hingga 2020. Pihak Audit tiada maklumat berkaitan pelajar di

MTS AXM2006. **Analisis Audit mendapati daripada jumlah tersebut, seramai 111 (92.5%) telah dapat melanjutkan pelajaran. Hanya seramai sembilan (7.5%) pelajar MTS tidak melanjutkan pelajaran.** Analisis Audit seterusnya mendapati seramai 16 (14.4%) orang pelajar telah berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti luar negara. Baki 95 (85.6%) orang pelajar pula melanjutkan pelajaran ke IPTA dan IPTS tempatan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PELAJAR MTS MENGIKUTI KURIKULUM ARUS PERDANA YANG BERJAYA
MELANJUTKAN PELAJARAN SELEPAS SPM BAGI TEMPOH TAHUN 2018 HINGGA 2020

TAHUN	BILANGAN PELAJAR MTS LEPASAN SPM (a)	STPM (b)	IPTA (c)	IPTS (d)	UNIVERSITI LUAR NEGARA (e)	TIDAK MELANJUT PENGAJIAN (f)	JUMLAH PELAJAR MELANJUTKAN PELAJARAN	
							Bil. Pelajar (g)=(b)+(c)+(d)+(e)	Peratus (%) (h)=(g)/(a)
MTS AXM2004								
2018	17	0	10	5	1	1	16	94.1
2019	17	2	9	3	0	3	14	82.4
2020	14	1	7	4	0	2	12	85.7
MTS AXM5003								
2018	28	2	11	8	6	1	27	96.4
2019	30	3	15	5	5	2	28	93.3
2020	14	2	4	4	4	0	14	100.0
JUMLAH	120	10	56	29	16	9	111	92.5

Sumber: Analisis Lepasan SPM Pelajar MTS

Pendapat Audit | **Prestasi keputusan SPM pelajar SMTDR adalah baik di mana 63.6% pelajar memperoleh 5A hingga 12A. Seterusnya, prestasi pelajar SMT melanjutkan pelajaran adalah cemerlang. Sebanyak 92.5% hingga 99.1% pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di dalam dan luar negara.**

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Pencapaian Kewangan

5.2.1.1. JAIPk menerima peruntukan mengurus berjumlah RM33.48 juta bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 untuk pengurusan SMTDR. **Sejumlah RM25.23 juta (75.4%) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan.** Analisis Audit mendapati perbelanjaan melibatkan pembayaran

emolumen; perkhidmatan dan bekalan; pembelian dan kenaan bayaran tetap SMTDR. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13 PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS SMTDR BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021			
TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2019	8.90	8.90	100.0
2020	10.95	8.60	78.5
2021	13.63	7.73	56.7
JUMLAH	33.48	25.23	75.4

Sumber: Laporan iSPEKS berkaitan Peruntukan dan Perbelanjaan Tahunan JAIPk

5.2.1.2. Semakan Audit seterusnya mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, RM24 juta peruntukan pembangunan bagi empat SMTDR telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, RM21.82 juta (90.9%) telah dibelanjakan untuk pembinaan tiga SMTDR iaitu Batang Padang, Lenggong dan Tambun. Pembinaan SMTDR Batang Padang dan Lenggong telah siap pada tahun 2020. Bagaimanapun, **pembinaan SMTDR Tambun yang dimulakan dari tahun 2021 sehingga tarikh pengauditan masih dalam pembinaan. Status pembinaan ialah 40% dan melibatkan perbelanjaan sejumlah RM8.03 juta.**

5.2.1.3. Perkara ini berlaku kerana MMK Bil. 2007 bertarikh 11 November 2020 telah membuat keputusan membatalkan Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 4 Disember 2018 melibatkan kos projek bernilai RM29 juta bagi SMTDR Tambun dan Sungai Manik. Keputusan tersebut dibuat berdasarkan prestasi kontraktor 168870-H yang turut membina projek SMTDR Lenggong dan Batang Padang yang siap tetapi tidak memuaskan. Namun begitu, MMK Bil. 2014 bertarikh 27 Januari 2021 meluluskan semula pembinaan SMTDR Tambun kepada kontraktor 168870-H dan SST ditandatangani pada 25 Jun 2021. Semakan selanjutnya mendapati **pembinaan SMTDR Sungai Manik masih belum diluluskan.** Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 14.**

JADUAL 14
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PEMBANGUNAN EMPAT SEKOLAH SMTDR BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2019	SMTDR Batang Padang	13.79	13.79	100.0
	SMTDR Lenggong			
2020	SMTDR Sungai Manik daerah Hilir Perak	1.00	0	0
	SMTDR Tambun daerah Kinta	1.00	0	0
2021	SMTDR Tambun daerah Kinta	8.21	8.03	97.8
JUMLAH		24.00	21.82	90.9

Sumber: Laporan iSPEKS berkaitan Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan SMTDR

5.2.1.4. Bantuan perkapita pelajar yang diberikan oleh MAIPk kepada JAIPk adalah berdasarkan bilangan pelajar SMT sebenar setiap tahun. Setiap pelajar akan menerima RM100 setahun. **MAIPk dari tahun 2019 hingga 2021 telah menyalurkan bantuan perkapita berjumlah RM360,000 hingga RM370,000 setahun kepada JAIPk untuk diagihkan kepada SMT.**

5.2.1.5. Kerajaan Negeri Perak bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 telah meluluskan sejumlah RM11.92 juta peruntukan *one off* bagi Infrastruktur dan Keselamatan MTS. **Sejumlah RM9.69 juta (81.3%) telah dibelanjakan bagi tempoh tersebut.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN *ONE OFF*
KEPADА MTS BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN	PERUNTUKAN <i>ONE OFF</i> DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN <i>ONE OFF</i> (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2019	1.00	1.00	100.0
2020	4.42	3.42	77.4
2021	6.50	5.27	81.1
JUMLAH	11.92	9.69	81.3

Sumber: Laporan iSPEKS berkaitan Peruntukan JAIPk

Pendapat Audit | **Prestasi kewangan SMT adalah baik kerana diuruskan dengan cekap oleh agensi yang berkaitan.**

5.2.2. Enrolmen Pelajar

5.2.2.1. Kelulusan MMK Bil. 1759 pada 13 November 2013 antara lain menyatakan kapasiti bilangan pelajar di setiap SMTDR adalah seramai 150 orang, dengan bilangan maksimum pelajar di setiap tingkatan adalah seramai 30 orang.

5.2.2.2. Pelan Strategik JAIPk bagi tahun 2017 hingga 2021 menysarkan seramai 100 orang pelajar SMTDR huffaz 30 Juzuk Al-Quran setiap tahun.

5.2.2.3. Analisis Audit mendapati **semua SMTDR tidak mencapai kapasiti maksimum pelajar yang ditetapkan kerana bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, enrolmen pelajar yang memasuki tingkatan 1 hanya antara 17 hingga 37 orang sahaja.** Peratus keseluruhan enrolmen berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 adalah antara 62.7% hingga 72%. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
ENROLMEN PELAJAR TINGKATAN 1 BERBANDING KAPASITI MAKSIMUM KELAS

SMTDR	KAPASITI MAKSIMUM PELAJAR	2015		2016		2017	
		ENROLMEN PELAJAR	PERATUS ENROLMEN PELAJAR (%)	ENROLMEN PELAJAR	PERATUS ENROLMEN PELAJAR (%)	ENROLMEN PELAJAR	PERATUS ENROLMEN PELAJAR (%)
Manjung	30	21	70	21	70	23	76.7
Batang Padang	30	21	70	17	56.7	21	70
Kerian	30	29	96.7	21	70	25	83.3
Lenggong*	60	37	61.7	35	58.3	30	50
JUMLAH	150	108	72	94	62.7	99	66

Sumber: Data Pelajar SMTDR

Nota: (*) – Data pelajar adalah gabungan SMTDR Lenggong dan Kuala Kangsar

5.2.2.4. Analisis Audit seterusnya mendapati **bilangan huffaz Al-Quran tahun 2019 hingga 2021 tidak mencapai 100 pelajar setahun seperti yang ditetapkan kerana enrolmen pelajar semasa di tingkatan 1 hanya mencapai antara 38.3% hingga 73.7%. Seterusnya bilangan huffaz berbanding bilangan pelajar tingkatan 5 pula hanyalah 52.2% hingga 85.9%.** Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PRESTASI HUFFAZ AL-QURAN BERBANDING ENROLMEN PELAJAR

TAHUN	ENROLMEN PELAJAR TINGKATAN 1 TAHUN 2015 HINGGA 2017 (a)	BILANGAN PELAJAR TINGKATAN 5 (b)	BILANGAN PELAJAR HUFFAZ AL-QURAN (c)	PERATUS	
				HUFFAZ BERBANDING ENROLMEN (%)	HUFFAZ BERBANDING TINGKATAN 5 (%)
2019	108	72	52	48.1	72.2
2020	94	69	36	38.3	52.2
2021	99	85	73	73.7	85.9

Sumber: Data Pelajar SMTDR

Pendapat Audit | Bilangan enrolmen pelajar yang tidak mencapai kapasiti maksimum yang ditetapkan menjadi antara faktor yang menjelaskan hasrat untuk melahirkan 100 huffaz Al-Quran setahun.

5.2.3. Pengurusan Guru

5.2.3.1. Kekurangan Perjawatan Guru Lantikan Tetap

- a. Waran Perjawatan JAIPk Bil. 2/2020 S.K.P Bil. N91/2019 pada tahun 2020 meluluskan 17 perjawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 hingga DG54 yang berstatus tetap.
- b. Seterusnya, MMK Perak telah meluluskan perjawatan guru tahfiz di SMTDR secara lantikan kontrak seperti berikut:
 - i. MMK Bil. 1668 pada 20.07.2011 - perjawatan guru DG41 seramai 72 orang untuk 6 SMTDR;
 - ii. MMK Bil. 251/15/02/2012 - pelantikan guru kontrak guru sandaran tidak terlatih DC41 seramai 20 orang untuk mengisi tempat guru Al-Quran di SMTDR dan SMAN; dan
 - iii. MMK Bil. 1759 pada 20.11.2013 - pelantikan 46 orang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27 secara kontrak untuk mengisi Guru Tahfiz di SMTDR.
- c. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2021, 102 daripada 148 jawatan guru yang diluluskan telah diisi di semua SMTDR. **Manakala 46 (31.1%) jawatan guru masih belum diisi. Pihak Audit juga mendapati hanya 17 (11.5%) daripada 148 jawatan guru**

tersebut merupakan lantikan tetap. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 18.**

JADUAL 18
BILANGAN PERJAWATAN DILULUSKAN DAN DIISI SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

BIL.	JAWATAN	PUNCA KUASA LANTIKAN	GRED	BILANGAN JAWATAN			PERATUS KOSONG (%)
				LULUS (a)	ISI (b)	KOSONG (c)=(a)-(b)	
1.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Tetap)	Waran Perjawatan Bil. 2/2020 S.K.P bil N91/2019	DG41/ DG54	17	12	5	29.4
2.	Guru Mata Pelajaran DG41 (Lantikan Kontrak)	MMK Bil.1668 pada 20.07.2011 [Surat Kelulusan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak 9.08.2011]	DG41	72	40	32	44.4
3.	Guru Sandaran Tidak Terlatih (Lantikan Kontrak)	MMK Bil.251/15/02/2012	DC41	13*	9	4	30.8
4.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (Guru Tahfiz) (Lantikan Kontrak)	MMK Bil. 1759 pada 20.11.2013 (Surat Kelulusan SUK Negeri Perak 28.11.2013)	S27	46	41	5	10.9
JUMLAH				148	102	46	31.1
PERATUS BILANGAN PERJAWATAN TETAP BERBANDING KESELURUHAN JAWATAN (17/148 X100)				11.5%			

Sumber: Waran Perjawatan JAIPk, Kertas Cadangan Perwujudan Perjawatan Secara Kontrak Berserta Peruntukan Kewangan untuk SMTDR dan Surat Kelulusan Perjawatan SUK

Nota: (*) – 13 daripada 20 guru DC41 yang diluluskan MMK ditempatkan di SMTDR

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati JAIPk telah melantik lapan guru sambilan bagi mengajar mata pelajaran Azhariah.
- e. Kertas Hala Tuju SMTDR JAIPk bertarikh 10 Januari 2012 membangkitkan isu perjawatan guru tidak tetap merupakan salah satu masalah SMTDR di mana guru tersebut berhenti kerja kerana menerima tawaran jawatan tetap di tempat lain.
- f. JAIPk pada bulan Ogos dan September 2020 telah menyediakan kertas cadangan mewujudkan jawatan guru kanan mata pelajaran dan menukar lantik guru kontrak SMTDR ke jawatan tetap dan berpencen. Perbincangan telah diadakan bersama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia SUK Perak tetapi tiada keputusan dibuat.
- g. Pihak Audit mendapati kekosongan jawatan tersebut adalah kerana dua SMTDR di daerah Kinta dan Hilir Perak masih belum siap/tidak dibina. Pihak JAIPk pula masih belum mengemukakan pemohonan perjawatan tetap guru lantikan kontrak kepada MMK walaupun telah mengenal pasti masalah perjawatan guru kontrak sejak tahun 2012.

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

Sebagai usaha penambahbaikan untuk mengatasi masalah guru kontrak ini, kelulusan MMK telah diperoleh untuk menjadikan SMTDR sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) supaya guru-guru ini boleh diserap ke jawatan tetap.

5.2.3.2. Pengambilan Guru Tidak Memenuhi Kelayakan yang Ditetapkan

- a. Pelan Strategik 2017 hingga 2021 JAIPk menggariskan pengambilan guru-guru yang berkelayakan bagi melahirkan generasi penghafaz Al-Quran.
- b. Perenggan 5.2 Kertas Hala Tuju SMTDR JAIPk bertarikh 10 Januari 2012 menetapkan guru yang dilantik bagi melaksanakan kurikulum tahniz terdiri daripada guru-guru yang berkelayakan. Antara kelayakan yang ditetapkan ialah guru lepasan Kuliah Qiraat Universiti Al-Azhar Mesir dan lepasan Institut Tahfiz Negeri, Institut Tahfiz Darul Quran dan Maahad Tahfiz dalam negara.
- c. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2021, seramai 102 guru ditempatkan di empat SMTDR di mana seramai 51 daripadanya merupakan guru yang mengajar kurikulum tahniz. Semakan Audit seterusnya mendapati **hanya 16 (31.4%) guru yang mengajar kurikulum tahniz memenuhi kriteria kelayakan Kuliah Qiraat dan universiti yang ditetapkan**. Pihak Audit mendapati guru-guru tahniz yang dilantik antaranya daripada bidang Al-Quran dan Sunnah serta Usuluddin. Selain itu, terdapat guru-guru yang dilantik adalah daripada universiti tempatan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PENGAMBILAN GURU BERKELAYAKAN
YANG DITETAPKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

SMTDR	GURU AKADEMIK (a)	BILANGAN GURU				PERATUS GURU MEMENUHI KRITERIA KELAYAKAN (%) (e)=(b)/(c)x100	
		GURU TAHFIZ			JUMLAH KESELURUHAN (d)=(a)+(c)		
		MEMENUHI KRITERIA KELAYAKAN (b)	TIDAK MEMENUHI KRITERIA KELAYAKAN	JUMLAH (c)			
Manjung	11	2	9	11	22	18.2	
Batang Padang	13	3	8	11	24	27.3	
Kerian	11	4	9	13	24	30.8	
Lenggong	16	7	9	16	32	43.8	
JUMLAH	51	16	35	51	102	31.4	

Sumber: Analisis Data Guru SMTDR

- d. JAIPk dari tahun 2019 hingga 2021 telah menganjurkan 20 latihan kepada guru tahfiz. Semakan Audit mendapati semua latihan dianjurkan bagi tempoh tersebut adalah berkaitan dengan pembelajaran tahfiz. Antara Latihan yang diadakan adalah Kursus Tahsin Al-Quran dan Tahfiz; Kursus Guru Turath; dan Kursus Pengajian Kitab Akidah 'Al-Mulhah Fi I'tiqad Ahli Al-Haq.

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

Sebanyak 33 orang guru tersebut merupakan guru-guru lantikan sebelum tahun 2017 di mana pada awal penubuhan SMTDR, calon guru yang mempunyai kelayakan Kuliah Qiraat adalah tidak mencukupi. Oleh itu, guru-guru yang mengambil jurusan Al-Quran dan Sunah serta Usuluddin telah dilantik. Selepas tahun 2017, hanya guru-guru yang memenuhi kriteria kelayakan Kuliah Qiraat dan jenis universiti yang ditetapkan dilantik untuk mengajar kurikulum tahfiz.

Pendapat Audit | Pelantikan guru secara kontrak sebanyak 88.5% merupakan salah satu masalah kepada JAIPk untuk mencapai sasaran bilangan huffaz Al-Quran.

5.2.4. Pengurusan Bangunan, Infrastruktur dan Fasiliti SMT

5.2.4.1. Keselamatan Bangunan dan Fasiliti SMTDR

a. Bangunan Tidak Selamat Diduduki

- i. Bangunan baharu SMTDR Kerian yang siap pada tahun 2019 dilengkapi dengan ruang utama seperti kelas, bilik guru, perpustakaan dan dewan makan. Bilik Reka Bentuk Teknologi (RBT), makmal sains dan stor pula masih menggunakan ruang aras bawah bangunan tiga tingkat sedia ada yang digunakan sebelum bangunan baharu siap. Pada 10 Jun 2021, Jurutera JKR telah mengesyorkan supaya bangunan tiga tingkat tersebut dirobohkan kerana tidak selamat untuk diduduki.
- ii. Pemeriksaan fizikal Audit pada 10 Februari 2022 mendapati **makmal dan bilik RBT masih digunakan walaupun JKR telah mengesahkan ia sudah tidak selamat untuk diduduki pada**

10 Jun 2021. Pihak sekolah masih menggunakan bangunan ini kerana bangunan baharu yang dibina tidak termasuk ruang bilik RBT dan makmal komputer. Keadaan bangunan dan ruang bilik RBT serta makmal adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 3**.

GAMBAR 1



GAMBAR 2



GAMBAR 3



SMTDR Kerian

- Bangunan Disyorkan Roboh oleh JKR Masih Digunakan Untuk Bilik RBT dan Makmal Sains
(10.02.2022)

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

JAIPk memandang serius berkaitan keselamatan pelajar dan pegawai di bawah seliaan JAIPk. Permohonan bagi meroboh dan membina baharu makmal SMTDR Kerian telah diperakukuan dalam projek di bawah RPP 2021-2025 dan kerja awalan bagi lantikan perunding telah dilaksana dalam tahun 2021. Permohonan peruntukan kerja meroboh makmal sedia ada dan makmal sementara telah diangkat melalui Bajet Pembangunan 2023 dengan anggaran kos sejumlah RM6 juta.

Pendapat Audit | **Pelajar dan guru terdedah kepada risiko kemalangan sekiranya pembelajaran masih diteruskan di bangunan tersebut sementara menunggu bangunan baharu siap.**

b. Lokasi Penyimpanan Tong Gas Makmal Sains Tidak Sesuai

- i. *Guidelines on Storage of Hazardous Chemicals: A Guide for Safe Warehousing of Package Hazardous Chemicals* oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menetapkan tempat penyimpanan bahan mudah terbakar hendaklah disediakan dinding rintangan api dan pagar yang selamat.
- ii. Pemeriksaan Audit di SMTDR Manjung pada 26 Januari 2022 mendapati sebanyak **enam tong gas yang digunakan untuk sesi pembelajaran di makmal diletakkan di ruang surau terbuka tanpa sistem perlindungan yang sesuai**. Pembantu makmal memaklumkan tong gas ini tidak lagi digunakan kerana pernah berlaku kebocoran gas sebelum ini. Pemeriksaan lanjut mendapati tong gas yang masih berisi diletakkan berdekatan dengan bilik guru, makmal dan dewan makan. Butiran lanjut hasil pemeriksaan fizikal yang dijalankan adalah seperti dalam **Gambar 4** dan **Gambar 5**.

GAMBAR 4



GAMBAR 5



SMTDR Manjung

- Enam Tong Gas Ditempatkan Dalam Ruang Surau Terbuka yang Digunakan oleh Pelajar dan Guru Sebagai Dewan Serbaguna
(26.01.2022)
Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

SMTDR Manjung telah mengeluarkan surat permohonan pelupusan enam tong gas tersebut kepada Ketua Jurutera Mekanikal Negeri Perak JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Negeri Perak.

Pendapat Audit | **Ruang simpanan tong gas yang tidak sesuai membahayakan keselamatan warga sekolah sekiranya berlaku kebocoran gas atau kebakaran.**

c. Pendawaian Elektrik Tanpa Kebenaran

- i. Akta Bekalan Elektrik 1990 menetapkan tiada pemasangan pendawaian atau penyambungan elektrik pada pendawaian sedia ada premis tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada pihak berkuasa.
- ii. Pemeriksaan fizikal Audit di SMTDR Manjung pada 26 Januari 2022 mendapati **pendawaian elektrik di bangunan asrama tiada kelulusan Suruhanjaya Tenaga dan tidak selamat menyambungannya**. Dua lokasi melibatkan pendawaian dan pemasangan lampu tambahan oleh guru di SMTDR bagi menggantikan lampu yang rosak. Satu lampu dipasang di tiang tangga asrama dalam kedudukan yang rendah, manakala satu lagi dipasang di bingkai tingkap asrama. Kedudukan pendawaian lampu dan wayar sambungan adalah seperti dalam **Gambar 6** dan **Gambar 7**.

GAMBAR 6



GAMBAR 7



SMTDR Manjung

- Dua Lokasi Pendawaian Lampu di Kawasan Asrama Tidak Mematuhi Piawaian yang Ditetapkan
(26.01.2022)

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

JAIPk memandang serius berkaitan keselamatan pelajar dan pegawai di bawah seliaan JAIPk. Tindakan penambahbaikan telah diambil oleh JKR di mana membuat semakan pendawaian di SMTDR Manjung. JKR mengesyorkan kerja penggantian dan penukaran lampu dengan kos keseluruhan berjumlah RM65,000. Seterusnya permohonan peruntukan telah diangkat dalam Bajet Pembangunan 2023 dan

diarahkan untuk permohonan khas ke UPEN bagi menggunakan peruntukan tahun 2022.

5.2.4.2. Pembekalan Peralatan Tidak Digunakan

- a. Pelan lantai asrama SMTDR Batang Padang dan Lenggong menetapkan saiz *steel wardrobe locker* adalah masing-masing berukuran 850 mm x 500 mm x 1,800 mm serta 500 mm x 600 mm x 1,890 mm.
- b. Pelan lantai bilik guru dan ruang pejabat SMTDR Lenggong dan Batang Padang menetapkan ruang ini boleh memuatkan seramai 60 guru dan kakitangan sokongan di setiap SMTDR.
- c. Semakan Audit dibuat terhadap Arahan Pembayaran 20BGBB0400569 bertarikh 9 April 2020 berjumlah RM2.86 juta bagi interim No. 28 Pembangunan SMTDR Batang Padang dan Lenggong. Daripada jumlah tersebut, RM1.80 juta melibatkan pembelian peralatan seperti berikut:
 - i. 300 unit *steel wardrobe locker* berukuran 915 mm x 525 mm x 1,828 mm di SMTDR Batang Padang dan 300 unit berukuran 750 mm x 470 mm x 2,100 mm di SMTDR Lenggong.
 - ii. 300 unit katil dua tingkat (150 set), 621 unit bantal dan 611 unit tilam di kedua-dua SMTDR tersebut.
 - iii. 116 unit *workstation table* dan 118 unit *executive medium back chair*.
- d. Pemeriksaan Audit mendapati **sebanyak 60 set katil 2 tingkat, 141 bantal, 131 tilam, 120 steel wardrobe locker, 64 workstation table dan 66 executive medium back chair bernilai RM447,274 tidak digunakan di dua SMTDR tersebut. Nilai peralatan yang tidak digunakan adalah 24.8% daripada bayaran keseluruhan peralatan tersebut berjumlah RM1.80 juta.** Lebihan katil, tilam, bantal dan *steel wardrobe locker* disimpan dalam stor. *Workstation table* dan *executive medium back chair* yang siap dipasang tetapi tidak digunakan pula ditempatkan di bilik guru dan kakitangan sokongan. Perkara ini berlaku kerana saiz *steel wardrobe locker* yang dibekalkan adalah lebih besar berbanding saiz yang ditetapkan dalam pelan lantai asrama. Selain itu, perjawatan guru serta kakitangan sokongan yang diisi hanya seramai 52

orang berbanding pembekalan yang disediakan untuk 118 orang. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 20** serta **Gambar 8** hingga **11**.

JADUAL 20
LEBIHAN PERALATAN KEMUDAHAN ASRAMA
DI SMTDR BATANG PADANG DAN SMTDR LENGGONG

BIL.	ARAHAN PEMBAYARAN				DIGUNAKAN (Unit)	TIDAK DIGUNAKAN		
	JENIS PERALATAN	UNIT/ SET DIBEKALKAN	HARGA SEUNIT/ SET (RM)	JUMLAH (RM)		UNIT/ SET	JUMLAH (RM)	
SMTDR BATANG PADANG								
ASRAMA								
1.	Katil 2 tingkat*	150*	1,392	208,800	252	24*	33,408	
2.	Bantal	314	60	18,840		62	3,720	
3.	Tilam	308	288	88,704		56	16,128	
4.	<i>Steel Wardrobe Locker</i> (915 mm x 525 mm x 1,828 mm)	300	1,566	469,800		48	75,168	
BILIK GURU DAN KAKITANGAN SOKONGAN								
1.	<i>Workstation table</i>	56	1,800	100,800	21	35	63,000	
2.	<i>Executive medium back chair</i>	58	220	12,760		37	8,140	
SMTDR LENGGONG								
ASRAMA								
1.	Katil 2 tingkat*	150*	1,380	207,000	228	36*	49,680	
2.	Bantal	307	66	20,262		79	5,214	
3.	Tilam	303	288	87,264		75	21,600	
4.	<i>Steel Wardrobe Locker</i> (750 mm x 470 mm x 2,100 mm)	300	1,566	469,800		72	112,752	
BILIK GURU DAN KAKITANGAN SOKONGAN								
1.	<i>Workstation table</i>	60	1,800	108,000	31	29	52,200	
2.	<i>Executive medium back chair</i>	60	216	12,960		29	6,264	
JUMLAH				1,804,990			447,274	

Sumber: Arahuan Pembayaran dan pelan lantai Asrama serta Bilik Guru dan Kakitangan Sokongan

Nota: (*) – 1 set katil 2 tingkat mempunyai 2 unit katil untuk 2 orang pelajar dan harga seunit adalah untuk 1 set katil 2 tingkat

GAMBAR 8




SMTDR Batang Padang
- *Steel Wardrobe Locker*, Katil Asrama, Tilam dan
Bantal Disimpan Dalam Stor
(19.01.2022)
Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 9



SMTDR Lenggong
- Katil Asrama Belum Dipasang Disimpan
Dalam Stor
(22.02.2022)
Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 10**GAMBAR 11**

SMTDR Lenggong

- Hanya 12 Katil Dapat Dimuatkan Dalam Bilik Asrama
Berbanding 16 Katil yang Boleh Dimuatkan Berdasarkan Pelan Lantai Asrama

Sumber: Jabatan Audit Negara

(22.02.2022)

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

Semua pembekalan perabot asrama diuruskan oleh pihak UPEN dengan kontraktor pembinaan sekolah. SMTDR Batang Padang dan Lenggong bersedia untuk mengagihkan katil, bantal, tilam dan almari murid ke Sekolah Menengah Agama Negeri yang lain jika mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal Unit Aset JAIPK. Sekiranya pengagihan tidak boleh dibuat, semua aset yang berlebihan akan disimpan sebagai gantian jika berlaku kerosakan.

Maklum Balas UPEN yang Diterima pada 20 Mei 2022

Bagi memastikan lebihan kerusi dan meja ini dimanfaatkan untuk kegunaan warga sekolah, perancangan yang dibuat adalah untuk berkongsi kemudahan ini dengan Sekolah Agama Raja Dr Nazrin Shah (SARJANA) yang mengalami masalah kekurangan fasiliti. Perabot ini juga akan disimpan kerana dianggarkan bilangan guru akan meningkat bagi menampung permintaan kemasukan pelajar yang tinggi di kedua-dua buah SMTDR pada tahun mendatang.

Pendapat Audit	Pembekalan yang tidak mengikut spesifikasi pelan lantai asrama dan melebihi perjawatan yang diluluskan menyebabkan terdapat peralatan yang tidak digunakan.
-----------------------	--

5.2.4.3. Penyediaan Fasiliti dan Keselamatan MTS

- Seksyen 7 memperuntukkan syarat yang perlu dipertimbangkan sebelum kelulusan permohonan pendaftaran sekolah dibuat. Antara syarat tersebut adalah kesesuaian sekolah atau bangunan atas alasan-alasan kesihatan dan keselamatan, sumber kewangan untuk menyelenggarakan sekolah dan perkara lain yang perlu dipertimbangkan.
- Belanjawan Negeri Perak tahun 2021 meluluskan peruntukan RM3 juta bagi baik pulih prasarana dan keselamatan tafhiz.
- PKN telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM487,000 kepada JAIPk dan Pejabat Daerah Kerian untuk infrastruktur dan keselamatan sembilan MTS. Seterusnya PKN juga telah membayar sejumlah RM969,386 peruntukan kepada 18 MTS dan Persatuan PPM-031-08-03052019. Jumlah keseluruhan peruntukan disalurkan/dibayar adalah RM1.46 juta. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PERUNTUKAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN TAHFIZ UNTUK MTS

WARAN KECIL/ARAHAN PEMBAYARAN				
NOMBOR	TARIKH	PENERIMA	PERIHAL	JUMLAH (RM)
21DAWP010300173	08.04.2021	JAIPk (8 MTS)	Peruntukan untuk bantuan baik pulih infra dan keselamatan tafhiz	374,000
21DAWP010300321	09.09.2021	Pejabat Daerah Kerian, Parit Buntar (1MTS)	Peruntukan kewangan untuk kerja-kerja naiktaraf MTS AZG3002 Mukim Parit Buntar	113,000
21DABB0401760	08.09.2021	7 MTS	Sumbangan kewangan di bawah program infrastruktur dan keselamatan tafhiz bagi tahun 2021	368,050
21DABB0401931	23.09.2021	10 MTS	Sumbangan kewangan di bawah program infrastruktur dan keselamatan tafhiz bagi tahun 2021	393,536
21DABB0402533	12.11.2021	Persatuan PPM-031-08-03052019	Sumbangan Kewangan untuk Maahad Tafhiz Negeri Perak bagi tahun 2021	182,800
21DABB0402564	16.11.2021	1 MTS	Sumbangan kewangan untuk pembinaan pagar maahad bagi tahun 2021	25,000
JUMLAH				1,456,386

Sumber: Waran Peruntukan Kecil dan Arahan Pembayaran

- Semakan Audit terhadap sembilan sampel kerja infrastruktur dan keselamatan MTS berjumlah RM588,440 yang dipantau oleh Persatuan PPM-031-08-03052019, JAIPk, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kerian dan PKN adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
BANTUAN INFRA DAN KESELAMATAN MTS

BIL.	NO. KOD PENDAFTTRAN MTS	PEMANTAUAN OLEH	NO. ARAHAN PEMBAYARAN/ WARAN/TARIKH	PERIHAL KERJA	AMAUN (RM)
1.	MTS A (belum berdaftar)	Persatuan PPM-031-08-03052019	21DABB0401931 23.09.2021	Kerja-kerja pembinaan 2 unit tangga keselamatan berasaskan besi	44,650
2.	AZG8005			Membaiakpulih dan naik taraf keselamatan	41,740
3.	AZG2022			Kerja-kerja membaikpulih serta kerja-kerja yang berkaitan	29,050
4.	AZG3002	PDT KERIAN	21DAWP010300321 09.09.2021	Kerja-kerja elektrik, naik taraf bilik guru dan kerja-kerja tanah	113,000
5.	AZG7001	PKN	21DABB0402564 16.11.2021	Kerja-kerja menaik taraf pagar sempadan dan kerja-kerja berkaitan	25,000
6.	MTS B (belum berdaftar)		21DABB0401760 08.09.2021	Cadangan pembinaan Pusat Kajian Kemukjizatan Al-Quran Tingkat 2	100,000
7.	MTS C (belum berdaftar)	JAIPk	21DAWP010300173 08.04.2021	Peruntukan untuk pembinaan ruang kuliah	50,000
8.	MTS D (belum berdaftar)			Keperluan bomba pendawaian semula elektrik, bilik air/tandas, sistem perparitan yang baharu	80,000
9.	AZGA005			Keperluan bomba Pengalihan kotak fius utama ke tempat yang selamat, Pendawaian semula bangunan asrama dan kelas	60,000
JUMLAH					588,440

Sumber: Waran Peruntukan Kecil dan Arahan Pembayaran

e. Pihak Audit mendapati perkara berikut:

i. **Bantuan Dipantau oleh Persatuan PPM-031-08-03052019**

- Teks Ucapan Belanjawan 2021 Negeri Perak Darul Ridzuan menetapkan inisiatif Persatuan PPM-031-08-03052019 bekerjasama dengan Kerajaan negeri dalam memastikan semua sekolah tafhib dijaga kebijakannya. Kerajaan juga menetapkan 100% sekolah tafhib yang bergabung di bawah Persatuan PM-031-08-03052019 berdaftar di bawah JAIPk menjelang tahun 2022.
- Seksyen 33 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) menyatakan unjuran dari rumah tidak dibenarkan. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh memberi notis secara bertulis kepada pemunya/penduduk rumah atau bangunan supaya memindahkan atau mengubah mana-mana unjuran, langgar sempadan atau halangan

yang telah atau mungkin didirikan atau diletakkan pada atau di hadapan rumah atau bangunan itu.

- Pada tahun 2021 sejumlah RM115,440 bantuan Kerajaan telah dipantau oleh Persatuan PPM-031-08-03052019 bagi kerja infra dan keselamatan di tiga MTS. MTS tersebut adalah MTS A, AZG8005 dan AZG2022.
- Pada 23 September 2021, sejumlah RM44,650 telah dibayar oleh PKN kepada MTS A untuk membina dua unit tangga besi keselamatan. **Pemeriksaan fizikal Audit pada 31 Mac 2022 mendapati hanya satu tangga siap dibina manakala satu lagi tangga bernilai RM22,325 masih dalam proses pembinaan.** Pihak MTS A memaklumkan kerja tidak dapat disiapkan kerana isu jangkitan Covid-19 di kalangan pekerja dan pelajar.
- Semakan Audit mendapati **kerja pembinaan tangga tersebut melepas sempadan hak milik premis di mana tidak mematuhi Seksyen 33 Akta 133.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 12** dan **13**.

GAMBAR 12



MTS A

-Kerja Belum Siap dan Memasuki Rizab Kaki Lima
(31.03.2022)

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 13



- PKN pada 23 September 2021 telah membayar sejumlah RM29,050 kepada MTS AZG2022. Pemeriksaan fizikal Audit pada 31 Mac 2022 terhadap Senarai Harga dan Skop Bagi Kerja Membaik Pulih Premis kepada MTS AZG2022 mendapati pintu rumah, *grill*, *awning*, pagar, kemasan dinding dan *exit door* telah dipasang. Bagaimanapun **pintu pagar utama masih belum dibuat. Pegawai Persatuan tersebut memaklumkan pintu pagar tidak dapat dibuat**

kerana pewaris telah menuntut kembali premis. Oleh itu, pihak MTS AZG2022 terpaksa berpindah keluar daripada premis tersebut. Seterusnya, dimaklumkan sejumlah RM14,525 bayaran telah dibuat pada 5 Oktober 2021 kepada kontraktor untuk kerja yang telah dilaksanakan.

Maklum Balas Persatuan PPM-031-08-03052019 yang Diterima pada 17 Mei 2022

Kontraktor memohon penangguhan kerja pembinaan tangga yang sepatutnya dimulakan pada Oktober 2021 kerana isu kenaikan harga besi seluruh Malaysia. Pada 22 Disember 2021 Pengetua Maahad Tahfiz telah membuat aduan kepada Persatuan PPM-031-08-03052019 berkenaan binaan tangga tersebut tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Kedudukan tangga adalah terlalu cerun dan berbahaya kepada pelajar sekiranya berlaku kecemasan. Seterusnya penyambungan kerja pembinaan akan dilaksanakan oleh kontraktor pada bulan Jun 2022. Sebelum penyambungan kerja tersebut, kontraktor disyaratkan untuk mendapatkan permit kerja daripada PBT bagi pecahan dinding dan penggunaan sempadan. Selain itu, pengesahan lakaran tanda keselamatan dan bahan yang digunakan daripada JBPM serta memperbaharui insurans kerja perlu dibuat.

Pewaris memaklumkan premis ini telah dilelong oleh pihak bank kerana bayaran ansuran pinjaman tidak dibayar. Selain itu, tiada perjanjian bertulis antara pemilik premis dengan pihak tahfiz berkaitan urusan mewakafkan premis tersebut.

ii. Bantuan Dipantau oleh JAIPk

- Pada 8 April 2021, JAIPk telah membayar sejumlah RM185,000 bantuan baik pulih infra dan keselamatan tahfiz kepada MTS C, D dan AZGA005. Bantuan tersebut adalah untuk kerja baik pulih pendawaian elektrik, pengalihan kotak fius utama dan pemasangan *smoke detector* serta pili bomba.
- Pemeriksaan fizikal Audit pada 15 Februari 2022 mendapati kerja pendawaian semula elektrik di MTS C telah siap. **Bagaimanapun, kerja pengalihan kotak fius utama di MTS D belum dipasang. Selain itu, kerja pemasangan smoke detector**

di MTS AZGA005 tidak dilaksanakan. Butiran lanjut mengenai kerja adalah seperti **Gambar 14** dan **Gambar 15**.

GAMBAR 14



MTS D
- Pengalihan Kotak Fius Utama Pendawaian
Semula Belum Dipasang
(15.02.2022)
Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 15



MTS AZGA005
- *Smoke Detector* Tidak Dilaksanakan
(15.02.2022)
Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

Pejabat Kewangan Negeri melalui surat PKN.PK.20/1/18A(1) bertarikh 8 Januari 2021 bersetuju untuk memberi bantuan baik pulih keselamatan tahniz di negeri Perak untuk membolehkan tahniz tersebut didaftarkan di bawah JAIPk. Oleh itu, JAIPk telah mengenal pasti keperluan kerja yang perlu dilaksanakan di sekolah tahniz yang berkaitan. Penyaluran sumbangan telah dibuat terus ke sekolah tahniz yang berkenaan dan segala urusan berkaitan perincian kerja, lantikan kontraktor, pemantauan siap kerja adalah di bawah sekolah tahniz yang berkaitan. Urusan perolehan telah dilaksanakan secara sepenuhnya oleh pihak sekolah tahniz dan di luar kawalan JAIPk.

iii. Bantuan Dipantau Oleh PDT Kerian

- PKN telah menyalurkan sejumlah RM113,000 kepada PDT Kerian pada 9 September 2021 untuk kerja-kerja elektrik, naik taraf bilik guru dan kerja-kerja tanah di MTS AZG3002. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal Audit pada 1 Mac 2022 mendapati **kerja-kerja bernilai RM113,000 tersebut masih belum dilaksanakan.**

Maklum Balas PDT Kerian yang Diterima pada 10 Mei dan 12 Julai 2022

Kerja-kerja tersebut tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2021 kerana kesuntukan masa dan terikat dengan tarikh penutupan akaun. Permohonan semula peruntukan Naik Taraf MTS D tidak dapat dipertimbangkan oleh UPEN. PDT Kerian diminta untuk mengguna peruntukan sedia ada jabatan dan Mesyuarat Sebut Harga telah diadakan pada 31 Mac 2022. Surat tawaran dan inden kerja telah dikeluarkan dan kerja dijangka siap pada 1 Ogos 2022.

iv. Bantuan Dipantau oleh PKN

- Pada tahun 2021, PKN telah menyalurkan sejumlah RM175,000 kepada dua MTS bagi pembinaan Pusat Kajian Kemukjizatan Al-Quran dan ruang kuliah serta naik taraf pagar sempadan. MTS yang terlibat adalah MTS AZG7001 dan MTS B. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal Audit pada 2 Mac 2022 mendapati **kerja pembinaan Pusat Kajian Kemukjizatan Al-Quran berjumlah RM100,000 masih belum dilaksanakan.** Kawasan terlibat seperti dalam **Gambar 16.**



GAMBAR 16

MTS B

- Pembinaan Pusat Kajian Kemukjizatan Al-Quran
Belum Dimulakan
(02.03.2022)

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas PKN yang Diterima pada 20 Mei 2022

Kos keseluruhan pembinaan Pusat Kajian Kemukjizatan Al-Quran adalah sejumlah RM946,202. Pelaksanaan projek ini mengalami kelewatan disebabkan dana masih tidak mencukupi dan jawatankuasa MTS B masih dalam proses mendapatkan sumbangan tambahan bagi membiayai projek tersebut. Hal ini menyebabkan sumbangan peruntukan sejumlah RM100,000 yang diluluskan oleh PKN masih tidak dapat digunakan. Pembinaan projek ini dijangka akan dimulakan pada bulan Julai 2022 dan dijangka siap pada bulan Disember 2022.

Pendapat Audit | **Pemantauan yang tidak sistematik dan saringan pemohonan yang kurang teliti bagi bantuan infrastruktur dan keselamatan MTS menyebabkan kerja tersebut lewat/tidak laksanakan. Oleh itu, tujuan pemberian bantuan bagi menarik minat MTS berdaftar dengan JAIPk mengikut enakmen masih tidak tercapai sepenuhnya.**

5.2.5. Tiada Kelulusan Penubuhan Tabung Kebajikan Sekolah

5.2.5.1. WP 10.4 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah menetapkan sumbangan daripada individu/badan-badan yang diterima oleh kementerian/jabatan perlu dikreditkan ke dalam Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) setelah diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Perbelanjaan menggunakan ATTD adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran khas daripada Perbendaharaan. Setelah enam bulan dari penggunaan ATTD, permohonan untuk menubuhkan Akaun Amanah boleh dikemukakan kepada Perbendaharaan.

5.2.5.2. Seksyen 43 Enakmen Syariah Tahun 1992 menetapkan semua institusi seperti maahad tafhib, yang membuat apa-apa kutipan kebajikan dan pengurusan hendaklah memohon permit/kebenaran mengutip derma daripada MAIPk.

5.2.5.3. SMTDR Manjung melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Ma'ahad Tahfiz Pulau Pangkor (MTPP) Bil. 1/2011 bertarikh 13 Oktober 2011 telah menubuhkan Tabung Kebajikan Sekolah (TKS). Akaun bank telah dibuka atas nama Maahad Tahfiz Pulau Pangkor bagi tujuan mengakaunkan terimaan kutipan tunai TKS.

5.2.5.4. Semakan Audit terhadap penyata bank dan dokumen kewangan TKS sehingga bulan Januari 2022 mendapat terimaan dan perbelanjaan masing-masing berjumlah RM17,512 dan RM12,981. Pihak Audit mendapati penubuhan **TKS sejak tahun 2011 tidak mendapat kebenaran daripada Perbendaharaan/PKN.**

5.2.5.5. Semakan Audit seterusnya mendapati SMTDR Manjung melalui surat SMTDRDM/700-4/7(6) bertarikh 27 Januari 2021 membuat permohonan kepada pengurusan Masjid Al-Badr untuk meletakkan TKS di masjid tersebut. TKS ini bertujuan untuk mengumpul dana bagi membaik pulih kerosakan sekolah, menampung kos pengangkutan murid ke luar Pangkor bagi aktiviti kokurikulum.

Selain itu, TKS digunakan untuk menanggung pembayaran elaun warden, elaun guru Al-Quran, elaun guru kanan, saguhati, program akademi dan lain-lain.

5.2.5.6. Pemeriksaan Audit pada 26 Januari 2022 di Masjid Al-Badr Pulau Pangkor mendapati tabung kutipan TKS diletakkan dalam masjid. Pihak Audit mendapati **pihak pengurusan SMTDR Manjung tidak memohon permit/kebenaran daripada MAIPk untuk mengutip derma di masjid tersebut**. Lokasi tabung kutipan TKS di masjid adalah seperti dalam **Gambar 17**.



GAMBAR 17

SMTDR Manjung
- Tabung Kutipan TKS SMTDR Manjung yang
Diletakkan Dalam Masjid Al-Badr
(26.01.2022)
Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2.5.7. Pihak Audit seterusnya mendapati JAIPk telah menubuahkan Kumpulan Wang Sumbangan Wang Awam (SUWA) bagi SMTDR Manjung sejak tahun 2010. Sepatutnya sumbangan tersebut dimasukkan ke dalam SUWA yang telah ditubuhkan. Pihak Audit juga mendapati penyata kewangan tahunan sekolah tidak pernah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara atau Juruaudit lain untuk diaudit. Perkara ini tidak selaras dengan Peraturan Lembaga Pentadbir Sekolah-sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Perak 2013. Pihak pengurusan SMTDR Manjung memaklumkan tidak mengetahui keperluan memohon kebenaran PKN bagi penubuhan TKS.

Maklum Balas JAIPk yang Diterima pada 19 Mei 2022

Sebagai tindakan pembetulan, pihak sekolah telah mengambil tindakan menutup tabung kebajikan tersebut pada 13 Mei 2022.

Pendapat Audit | **Kutipan kebajikan tanpa kelulusan MAIPk boleh membuka ruang penyalahgunaan wang kutipan. Keperluan SMTDR mengemukakan penyata kewangan tahunan untuk diaudit adalah bertujuan untuk memastikan kedudukan kewangan**

SMTDR benar dan saksama serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.

5.2.6. Bantuan Kewangan Kepada Persatuan PPM-031-08-03052019

5.2.6.1. Arahan Pembayaran PKN bernombor 20DABB0401656 bertarikh 19 Ogos 2020 dengan jumlah RM534,800 adalah bagi sumbangan kewangan kepada Persatuan PPM-031-08-03052019. Bantuan adalah bertujuan membiayai kos operasi, penganjuran program, perkhidmatan sistem pangkalan data dan sistem bersepadu MTS Perak serta modal penubuhan koperasi. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
SUMBANGAN KEWANGAN KEPADA PERSATUAN PPM-031-08-03052019

PERIHAL	JUMLAH BAYARAN (RM)
Kos Operasi Persatuan PPM-031-08-03052019	125,800
Penganjuran Program Persatuan PPM-031-08-03052019	150,000
Perkhidmatan Pangkalan Data dan Sistem Bersepadu Maahad Tahfiz Perak	159,000
Bantuan Modal Koperasi	100,000
JUMLAH	534,800

Sumber: Arahan Pembayaran PKN

5.2.6.2. Semakan Audit mendapati sejumlah RM100,000 telah dibayar bagi bantuan modal koperasi pada 19 Ogos 2020. Pihak Audit mendapati **Mesyuarat Agung Permulaan Koperasi Persatuan tersebut pada 18 Februari 2022 bersetuju dengan penubuhan koperasi dan membuat permohonan untuk mendaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)**. Pihak Audit mendapati kelulusan pendaftaran koperasi hanya diperoleh pada 7 April 2022. Namun begitu, **bantuan modal koperasi dibayar sebelum koperasi ditubuhkan**.

5.2.6.3. Semakan Audit mendapati **sejumlah RM56,034 daripada RM100,000 bantuan modal koperasi dibelanjakan untuk belian saham, deposit, peralatan dan kelengkapan, sewaan pejabat serta utiliti**. Butiran perbelanjaan tersebut adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
PERBELANJAAN MENGGUNAKAN TABUNG MODAL KOPERASI
PERSATUAN PPM-031-08-03052019 SEBELUM PENUBUHAN KOPERASI DILULUSKAN

BIL.	PERBELANJAAN	TARIKH	JUMLAH (RM)
1.	Belian Saham	23.11.2020	20,000
2.	Penubuhan Syarikat: a. Syarikat 1403380-W b. Syarikat 1401846-A c. Syarikat 1401864-P	10.03.2021 07.01.2021 24.04.2021 07.01.2021	1,750 950 2,200 2,200
3.	Deposit: a. Pejabat Koperasi/Syarikat b. <i>Stamping Fee</i> c. Lembaga Air Perak No. 25 d. Kos Cetakan LAP e. Lembaga Air Perak No. 25A f. Tenaga Nasional Berhad No. 25 g. Tenaga Nasional Berhad No. 25A h. Bayaran Baki TNB	18.01.2020 18.01.2020 19.01.2021 19.01.2021 19.01.2021 25.01.2021 25.01.2021 25.01.2021	5,100 380 335 4 235 513 513 620
4.	Peralatan dan Kelengkapan: a. Meja Kerusi Pejabat b. <i>Blind</i> Tingkap Pejabat c. Meja Kerusi Pejabat	22.02.2021 20.02.2021 16.04.2021	4,410 1,700 550
5.	Sewaan Pejabat (Mac – September 2021)	11.09.2021	9,600
6.	Utiliti: a. Bil Elektrik b. Bil Telefon dan Internet Oktober 2020-2021 c. Bil Lembaga Air Perak	08.10.2021 05.10.2021 16.09.2021	3,592 1,051 331
JUMLAH			56,034

Sumber: Laporan Kewangan Persatuan PPM-031-08-03052019

Maklum Balas Persatuan PPM-031-08-03052019 yang Diterima pada 18 Mei 2022

SKM telah meluluskan pendaftaran Koperasi 202258501737 pada 7 April 2022. Koperasi tersebut akan mengadakan Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi kali pertama 2022 pada Khamis 2 Jun 2022. Mesyuarat bertujuan untuk meluluskan pemindahan belian saham dan aset yang telah dilaksanakan oleh Persatuan PPM-031-08-03052019 kepada Koperasi 202258501737. Selain itu, Koperasi tersebut juga akan mengusulkan pembelian pegangan saham syarikat dari Syarikat 1403380-W, Syarikat 1401846-A dan Syarikat 1401864-P.

Pendapat | Bantuan modal koperasi yang dibayar sebelum kelulusan Audit | penubuhan dan digunakan untuk perbelanjaan lain adalah kurang wajar.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, pengurusan SMT Negeri Perak adalah kurang cekap dan berkesan. Pencapaian output dari aspek penubuhan SMTDR, pemakaian kurikulum yang diwajibkan dan pendaftaran MTS tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian keberhasilan di SMT Negeri Perak secara keseluruhannya adalah baik dari aspek pencapaian keputusan SPM dan peluang melanjutkan pelajaran. Bagaimanapun, berlaku kelemahan dalam pengurusan SMT dari aspek enrolmen pelajar; pengurusan guru; pengurusan bangunan, infrastruktur dan fasiliti SMT; TKS; dan bantuan modal kepada koperasi.

7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan SMT Negeri Perak tercapai dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara mengesyorkan tindakan seperti berikut:

- 7.1. UPEN hendaklah memastikan pembinaan SMTDR Tambun dan Sungai Manik dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan supaya enrolmen pelajar SMT dapat dipertingkatkan;
- 7.2. JAIPk hendaklah memastikan pelaksanaan ujian hafazan semasa pemilihan kemasukan pelajar mengikut standard yang ditetapkan. Selain itu, perjawatan guru lantikan tetap di SMTDR perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengajaran untuk melahirkan huffaz Al-Quran;
- 7.3. JAIPk perlu menetapkan terma dan syarat berkaitan hubungan kerjasama dengan Persatuan PPM-031-08-03052019 dalam memastikan semua MTS dijaga kebijakannya. Dengan itu hasrat Kerajaan Negeri Perak yang menetapkan 100 peratus MTS bergabung di bawah Persatuan tersebut dan berdaftar di bawah JAIPk dapat dilaksanakan; dan
- 7.4. pemantauan terhadap projek pembangunan infrastruktur dan keselamatan SMT yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak perlu dipertingkatkan. Perkara ini penting bagi memastikan pelaksanaan pembangunan mematuhi peraturan yang ditetapkan serta dapat mencapai objektif yang disasarkan.

